

KONGRES MUSLIMIN BURMA

Pertubuhan “*Hizbu Allāh*” (Indonesia) baharu-baharu ini telah membantah politik penindasan Perdana Menteri Yono (Burma) terhadap Kongres Muslimin Burma.

Perdana Menteri Yono telah mengancam Kongres Muslimin Burma dengan suatu perintah yan dikeluarkannya, iaitu apabila Kongres tersebut tidak membubarkan diri hingga bulan Oktober yang akan datang, maka kongres itu akan dikeluarkan dari “Perikatan Kemerdekaan Rakyat Anti Facist” yang Perdana Menteri itu sendiri menjadi ketuanya.

Perdana Menteri Yono berfaham bahawa agama itu hendaklah dipisahkan dari politik dengan alasan jika tidak demikian nescaya hal itu membahayakan persatuan seluruh negeri.

Dalam bantahan mengenai penindasan Yono terhadap gerakan Islam di Burma itu, pertubuhan “*Hizbu Allāh*” Jakarta menyatakan antara lain:

Ancaman itu pada hakikatnya bukan hanya ditujukan kepada Kongres Muslimin Burma malahan telah dirasai oleh Muslimin sedunia, dan telah meninggalkan salah satu sendi demokrasi yang menjadi asas negeri dan jiwa rakyat Burma.

“Sikap dan pendirian Perdana Menteri Yono yang memaksa supaya agama Islam dipisahkan daripada politik dengan alasan hendak menjaga kesatuan seluruh negeri adalah alasan yang sengaja dicari-cari, yang tumbuh daripada kebencianya terhadap agama Islam, atau setidak-tidaknya sangat pecek pengetahuannya tentang agama Islam dan perkembangannya di dalam sejarah dunia.”

Kata pertubuhan *Hizbu Allāh*, sambil membayangkan bahawa penindasan yang demikian, akibatnya akan menimbulkan

kejadian yang tidak diingini.

“Kepada Muslimin sedunia, terutama mereka yang berada di Burma dianjurkan hendaklah waspada dan tabah sabar menghadapi tiap-tiap kesulitan di dalam jihad menegakkan agama dengan bertambah-tambah taat dan bersegera kembali kepada pimpinan Allah dan Rasul-Nya.

“Hanya kepada Allah sahaja kita menyembah. dan kepada-Nya juga kita memohon pertolongan-Nya.” katanya lagi.

*

MAHASISWA ISLAM NIGERIA

Universiti Ibadan adalah sebuah universiti yang terbesar di Nigeria dan kebanyakan orang-orang besar Nigeria ialah lepasan universiti ini.

Umumnya mahasiswa Universiti Ibadan ini beragama Islam dan kegiatan mereka dalam lapangan kemajuan masyarakat Islam di Nigeria sangat-sangat besar dan tidak kurang dari kegiatan mahasiswa-mahasiswa Mesir dan lain-lain negara Arab.


ILMU ISLAM

Baharu-baharu ini sebuah masjid yang memakan belanja 10,000 paun telah didirikan untuk mahasiswa Islam Universiti Ibadan (Nigeria). Masjid itu telah terdiri dengan usaha sebuah panitia yang dibentuk oleh mahasiswa Islam sendiri.

*

BAHASA ARAB DALAM PANDANGAN INGGERIS

Akhbar-akhbar Arab di Timur Tengah baharu-baharu telah menyalinkan makalah yang disiarkan oleh akhbar Inggeris “Yorkshire Post” yang *maqdmūnnya* bahawa bahasa Arab adalah mempunyai daya penarik yang istimewa yang dengannya dapat menarik umat British. Pada masa yang lalu empayar British kerap kali lemah daripada mengetahui akan kepentingan bahasa Arab iaitu bahasa rasmi bagi seluruh penduduk dunia Arab dari Iraq Santoq ke Moroko, bahasa yang digunakan



Allāhuakbar. Islam makin bertambah kembang di benua Afrika. Sebahagian kecil dari 30 juta umat Islam di Nigeria sedang sembahyang dengan khusyuknya.

Masjid besar yang indah ini ialah masjid “Jāmi‘ Kanū” (Nigeria) sedang penuh tepu sehingga melimpah dan beribu-ribu umat Islam terpaksa sembahyang di padang yang terletak di hadapannya.

* * *

oleh orang Islam di India (dan kesemua umat Islam di keempat-empat penjuru dunia ini – P.Q.) dalam sembahyang dan bacaan Qurān bahasa yang dengannya alim ulama Iran dan Afghanistan (dan lain-lain dari berbagai-bagai bangsa Islam – P.Q.) dapat mendalamkan pengetahuan mereka dalam pengajian hukum-hukum Islam.

Akhbar “Yorkshire Post” berkata lagi:

Huruf Arab itu pula adalah tersiar luas seperti huruf Latin. Iaitu menjadi tulisan rasmi bagi bahasa-bahasa: Arab, Parsi, berbagai-bagai bahasa di India dan

lain-lain bahasa timur (termasuk bahasa Melayu – P.Q.).

Akhbar itu tidak juga lupa menyebut: bahawa bahasa Arab ialah sebesar-besarnya mata air ilmu pengetahuan yang daripadanya dicedok oleh dunia. Bahasa Arab ini ialah bahasa (asing) yang pertama-tama digunakan oleh siaran radio British. Bilangan orang yang bertutur dengan bahasa ini makin bertambah dari sehari ke sehari. Di sekolah bahasa-bahasa Timur di London, bahasa Arab ini mendapat kedudukan yang mulia. Dan pegawai-pegawai British yang dihantar ke Timur Tengah hanya terdiri daripada orang-orang yang ada keahliannya dalam bahasa Arab.